

Utusan Malaysia - Keputusan Beli Tanah Dibuat Bank Negara Sendiri

 Selasa, Feb 06 2018

Keputusan beli tanah dibuat Bank Negara sendiri

UTUSAN 6/2

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Pembelian tanah seluas 22.58 hektar oleh Bank Negara untuk proses penempatan semula Universiti Kewangan Islam Global (Inceif) dan Akademi Kajian Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA), dibuat tanpa tekanan daripada kerajaan.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, pembelian itu dilakukan bukan disebabkan kerajaan ingin menjual tanah berkenaan.

"Saya ingin menjelaskan, bukan kerajaan yang mahu menjual tanah ini kepada kami.

"Kami yang menghubungi pihak kerajaan beberapa bulan lalu untuk membeli tanah berkenaan," katanya seperti dilaporkan *The Edge Financial Daily*, hari ini.

Sebelum ini, Bank Negara mengumumkan pembelian tanah seluas 22.58 hektar daripada kerajaan bernilai RM2 bilion.

Menurutnya, tanah berkenaan terletak berhampiran Kompleks Sasana Kijang yang dilengkapi kemudahan persidangan dan latihan bertaraf antarabangsa serta

menempatkan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia, Pusat Latihan dan Kajian Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (Seacen) serta Alliance for Financial Inclusion (AFI).

Bagaimanapun, pembelian tanah berkenaan mendapat kritikan daripada pembangkang yang mendakwa kerajaan mengarahkan pembelian tanah itu.

Menurut Ibrahim, proses rundingan antara BNM dan kerajaan untuk tujuan pembelian tanah berkenaan berlangsung selama beberapa bulan.

"Kebetulan pada akhir November dan Disember rundingan tersebut berjaya dan kami gembira memiliki tanah berkenaan pada harga tersebut," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, proses pembelian tanah itu juga bukan satu proses yang luar biasa memandangkan BNM juga pernah membeli tanah sebelum ini.

"Ini bukan kali pertama kami melakukannya, apabila kami memiliki tanah kami membelinya pada harga pasaran dan memastikan ia mengikut proses yang betul," katanya.



**MUHAMMAD
IBRAHIM**